



SIARAN AKHBAR

Dalam usaha bersama membendung risiko jangkitan CoVID-19 di negara ini, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dengan ini memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan sementara kaunter-kaunter pertanyaan Am, urusan kewangan, urusan pendaftaran dan sebagainya di Ibu Pejabat dan Kampus-Kampus IBTE termasuk Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan (CET) sejak 19 Mac 2020 sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Sementara itu, bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pelajar-pelajar adalah terjaga dan terhindar dari sebarang kemungkinan jangkitan, pihak IBTE juga ingin memaklumkan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran bagi semester ini akan dikendalikan secara dalam talian (online) bermula pada hari Isnin 30 Mac 2020.

Untuk makluman, pihak IBTE juga telah mengaktifkan *Business Continuity Plan* (BCP) bagi menjaga kesejahteraan tenaga pengajar serta warga IBTE dengan memberi kelonggaran bagi mereka yang termasuk dalam kategori *vulnerable* seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan untuk bertugas dari rumah kediaman masing-masing (*Work From Home – WFH*) atau melalui kaedah *flexible working arrangement* seperti yang dinyatakan di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2020.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai adalah disarankan untuk menghubungi nombor-nombor semasa waktu bekerja seperti berikut:

| Tempat | No Telefon |
|-------------------|-----------------------------------|
| Ibu Pejabat IBTE | 242 5555 |
| Bahagian Kewangan | 245 4446 / 245 4447 / 242 5390 |
| Pejabat Pendaftar | 245 7104 / 242 2306 |

| Tempat | No Telefon |
|---|---------------------|
| Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan (CET) | 242 2493 / 242 2290 |
| IBTE – Kampus Sultan Saiful Rijal | 234 3532 / 233 1077 |
| School of Aviation, IBTE – Kampus Sultan Saiful Rijal | 234 2614 |
| IBTE – Kampus Bisnes | 245 2113 |
| IBTE – Kampus Nakhoda Ragam | 239 0423 |
| IBTE – Kampus Mekanikal | 247 0124 |
| IBTE – Kampus Jefri Bolkiah | 333 5802 |
| IBTE – Kampus Sultan Bolkiah | 322 8050 |

Pihak IBTE juga boleh dihubungi melalui:

Email : enquiry@ibte.edu.bn
Email (pendaftaran) : tvecas@ibte.edu.bn
Website : <https://ibte.edu.bn>
Facebook : [Brunei Technical Education](#)
Instagram : [ibteignite](#)

Sebarang kesulitan yang dihadapi adalah amat dikesali dan pihak IBTE memohon maaf atas perkara ini. Dikesempatan ini, IBTE mengucapkan terima kasih atas kerjasama orang ramai dalam mematuhi larangan dan mempraktikkan penjarakkan sosial.

-TAMAT-

Tarikh: 03 Sya'ban 1441 / 28 Mac 2020

Rujukan: IBTE/A1/1.5